

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[PAYA BESAR]**
- TARIKH** : **16 MAC 2015 (ISNIN)**
- SOALAN** : **Dato' Abdul Manan bin Ismail minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
ASAS TANI menyatakan anggaran  
kerugian sektor pertanian serta industri  
asas tani akibat bencana banjir besar di  
Pantai Timur dan apakah langkah  
strategik dalam memulihkan semula  
komoditi pertanian dan industri hiliran  
pertanian di kawasan yang terbabit.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kejadian banjir luar biasa yang berlaku baru-baru ini di beberapa buah negeri turut menjejaskan sektor pertanian. Di Pantai Timur, anggaran nilai kerugian bagi aset dan infrastruktur pertanian adalah sebanyak RM52,489,000.00. Manakala anggaran kerugian bagi hasil pertanian adalah sebanyak RM108,244,787.05 yang melibatkan seramai 12,818 orang petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani.

Jumlah keseluruhan anggaran kerugian sektor pertanian di Pantai Timur adalah sebanyak RM244,673,718.43.

Langkah strategik Kementerian dalam memulihkan sektor pertanian dibahagi kepada bantuan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Bagi bantuan jangka masa pendek, Kementerian menyediakan bantuan wang ihsan kepada golongan sasaran iaitu petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani melalui peruntukan Tabung Bantuan Bencana Agromakanan untuk membantu mereka memulakan semula aktiviti pertanian. Manakala, bagi tempoh jangka masa panjang, Kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM50 juta bagi tahun 2015 untuk membaik pulih tiga (3) jenis infrastruktur yang terjejas akibat bencana banjir iaitu membaiki jalan ladang, membaiki infrastruktur pengairan dan saliran serta membaiki infrastruktur bangunan dan aset pertanian. Bagi pembaikan infrastruktur yang lain, permohonan peruntukan akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Ke-11.